

1) PENDAHULUAN

Terma dan syarat yang dinyatakan di sini ("**T&S**") akan mengawal selia Kempen Kaotim MediKad ("**Kempen**") yang dianjurkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [No. Syarikat 198401019089 (131646-K)] (selepas ini dirujuk sebagai ("**Takaful Malaysia**").

2) TEMPOH KEMPEN

- i. Kempen ini bermula pada 4 Mei 2026 jam 12:00 tengah malam Waktu Malaysia ("**MYT**") dan berakhir pada 31 Julai 2026 jam 11:59 malam MYT ("**Tempoh Kempen**").
- ii. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dianggap tidak layak dipertimbangkan untuk manfaat di bawah Kempen ini.

3) KELAYAKAN

Kempen ini terbuka kepada semua individu yang memenuhi semua kriteria berikut:

- i. Melanggan sijil Kaotim MediKad baharu semasa Tempoh Kempen; dan
- ii. Mempunyai sijil takaful/polisi insurans perubatan individu sedia ada daripada pengendali takaful/syarikat insurans yang lain yang masih berkuat kuasa secara berterusan melebihi empat (4) bulan pada masa permohonan Kaotim MediKad dibuat; dan
- iii. Permohonan Kaotim MediKad dinilai dan diluluskan oleh penilaian pengunderaitan Takaful Malaysia sebagai kes "*Standard*" iaitu tanpa sebarang bebanan atau pengecualian dikenakan pada sijil Kaotim MediKad yang baharu.

4) MEKANISME KEMPEN

- i. Untuk menyertai, pelanggan yang layak hendaklah memohon Kaotim MediKad melalui mana-mana saluran yang berikut:
 - a. Mana-mana cawangan *Takaful myCare Centre* (TMCC); atau
 - b. Perjalanan langganan Kaotim MediKad di <https://medikad.kaotim.my/getquote>.
- ii. Semasa proses permohonan, pelanggan mestilah membuat pendedahan dan menjawab soalan yang mengesahkan bahawa mereka mempunyai sijil takaful/polisi insurans perubatan individu sedia ada daripada pengendali takaful/syarikat insurans yang lain.
- iii. Pelanggan yang layak perlu mengesahkan pendedahan tambahan pada halaman 'Aqad, Pengakuan dan Kebenaran oleh Peserta Yang Dicadangkan'.
- iv. Setelah sijil Kaotim MediKad pelanggan yang layak berjaya dikeluarkan dan berkuat kuasa di dalam Tempoh Kempen, pelanggan akan diiktiraf sebagai sebahagian daripada Kempen ini ("**Peserta**").
- v. Sijil yang berjaya dikeluarkan di bawah Kempen ini akan diberikan perlindungan segera, di mana seratus dua puluh (120) hari tempoh menunggu untuk penyakit tertentu dan tiga puluh (30) hari tempoh menunggu untuk penyakit-penyakit lain akan dikecualikan.

5) GANJARAN

- i. Peserta yang sijil Kaotim MediKad mereka kekal berkuat kuasa selama tiga (3) bulan selepas dari tarikh pengeluaran sijil akan menerima rebat bersamaan satu (1) bulan caruman ("**Rebat**").
- ii. Rebate akan diproses seperti berikut:
 - a. Bagi sijil dengan mod caruman bulanan, caruman bagi bulan keempat (ke-4) akan dikecualikan sebagai Rebate.
 - b. Bagi sijil dengan mod caruman tahunan, jumlah Rebate yang layak akan ditolak daripada caruman seterusnya yang perlu dibayar bagi sijil tersebut.
- iii. Rebate ini tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, atau sebarang bentuk pertimbangan yang lain, dan tidak boleh digabungkan dengan mana-mana promosi lain yang sedang berlangsung kecuali dinyatakan sebaliknya oleh Takaful Malaysia.
- iv. Takaful Malaysia berhak untuk membatalkan mana-mana Peserta, mengikut budi bicara mutlak, sekiranya:

- a. Peserta gagal untuk memenuhi syarat kelayakan Kempen ini; atau
- b. Peserta gagal untuk menyediakan maklumat dan/atau dokumen yang tepat atau lengkap yang diperlukan oleh Takaful Malaysia bagi tujuan pembayaran Rebat.

6) TERMA & SYARAT AM

Dengan menyertai Kempen ini, Peserta:

- a. bersetuju untuk terikat dengan T&S;
- b. bersetuju bahawa setiap rekod transaksi dan permohonan yang direkodkan dalam sistem Takaful Malaysia sepanjang Tempoh Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
- c. bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Takaful Malaysia berhubung dengan Kempen ini, termasuk kelayakan dan pembayaran Rebat, adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Sebarang protes, pertanyaan, rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
- d. bersetuju membenarkan Takaful Malaysia mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka untuk tujuan berkaitan dengan Kempen ini, termasuk pengunderaitan, pentadbiran, dan pembayaran Rebat;
- e. bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami risalah produk, helaian penerangan produk, dan sijil Kaotim MediKad sebelum menyertai;
- f. mengakui bahawa Takaful Malaysia boleh meminta dokumen sokongan berkaitan dengan sijil takaful/polisi insurans perubatan individu sedia ada mereka. Kegagalan mengemukakan dokumen tersebut boleh menjejaskan kelayakan mereka untuk Kempen ini dan/atau Rebat;
- g. mengakui bahawa sebarang pembatalan atau ketiadaan pembaharuan perlindungan untuk perlindungan sedia ada mereka adalah atas budi bicara dan tanggungjawab mereka sepenuhnya, dan Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kehilangan manfaat, pengurangan perlindungan, atau jurang perlindungan yang timbul akibat tindakan tersebut; dan
- h. tidak berhak untuk menuntut dan dengan ini melepaskan sebarang hak terhadap sebarang pampasan daripada Takaful Malaysia, pegawainya, kakitangannya, wakilnya, dan/atau ejennya untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami akibat penyertaan mereka di dalam Kempen ini, atau sebarang pindaan, penamatan, atau penggantung Kempen ini.

7) NOTIS PRIVASI TAKAFUL MALAYSIA

- i. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia selaras dengan Notis Privasi Takaful Malaysia yang dapat dilihat di www.takaful-malaysia.com.my ("[Notis Privasi Takaful Malaysia](http://www.takaful-malaysia.com.my)").
- ii. Khusus untuk tujuan Kempen ini, Peserta bersetuju kepada penggunaan data peribadi mereka untuk:
 - a. mentadbir permohonan dan penyertaan Peserta dalam Kempen;
 - b. pengunderaitan dan pengeluaran sijil Kaotim MediKad Peserta;
 - c. mengesahkan kelayakan Peserta dan memproses Rebat.

8) LAIN-LAIN

- i. Takaful Malaysia berhak untuk:
 - a. membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang tidak layak mengikut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Kempen ini; dan
 - b. menarik balik/membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau mengubah, menambah, memadam, mengubah suai atau meminda terma dan syarat di sini, sepenuhnya atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkan di www.takaful-malaysia.com.my atau dalam kaedah lain yang Takaful Malaysia anggap praktikal dengan memberi notis awal yang munasabah kepada Peserta mengenai penambahan, pemadaman atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini.

- ii. Takaful Malaysia dan mana-mana pegawainya, pekerjaanya, wakilnya dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, manamana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas atau berbangkit, kerosakan atau kecederaan dalam apa jua cara yang dialami atau disebabkan oleh Peserta (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Rebat; dan sebarang keingkaran kewajipannya di bawah Kempen ini disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan keluar, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak penyakit berjangkit (pandemik/epidemik), atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Takaful Malaysia.
- iii. T&S ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-Undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- iv. Ketidaksahan, kesalahan undang-undang atau ketidakmampuan penguatkuasaan sebarang terma di bawah ini haruslah tidak menjejaskan atau merencatkan kesinambungan lain-lain T&S Kempen ini.

Nota: Sebelum melanggan Kaotim MediKad, sila rujuk kepda risalah produk, helaian penerangan produk, dan sijil di <https://kaotim.my/ms/product/medikad/> untuk butiran lanjut.